

Penggunaan sistem tenaga matahari perlu

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata penggunaan sistem tenaga dari cahaya matahari dapat mengurangkan penggunaan bekalan elektrik untuk beberapa jenis perusahaan yang menggunakan air panas dari tenaga minyak.

Katanya, penggunaan sistem tersebut juga boleh mengurangkan perbelanjaan yang ditanggung oleh sektor pertanian untuk tujuan mengeringkan bahan-bahan keluarannya seperti tembakau dan makanan ternakan.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata demikian selepas

KUALA LUMPUR, Isnin

menemui Perunding Tenaga Matahari dari Australia, Encik Donald Munro di pejabatnya hari ini.

Bellau memberitahu para pemberita bahawa Kerajaan akan menggalakkan penggunaan tenaga matahari itu di negara ini dan menisfatkan permulaan sistem tersebut di Malaysia sebagai satu langkah ke arah kemajuan.

"Adalah menjadi satu trend bagi negara-negara moden menggunakan tenaga dari matahari memandangkan harga petroleum yang begitu tinggi," katanya.

Katanya, mungkin satu hari tenaga yang diperolehi dari petroleum akan berkurangan akibat harganya yang kian melambung atau pun mulai kehabisan bahan tersebut.

"Oleh yang demikian kita terpaksa berusaha mencari tenaga pilihan dan cara yang paling murah ialah dari cahaya matahari," katanya.

Encik Munro berkata bahawa syarikat yang diwakilinya, Lyons and Peirce dari Australia Barat, akan menandatangani satu perjanjian dengan sebuah syarikat tempatan dalam minggu ini bagi mendirikan sebuah kilang untuk mengeluarkan alat-alat sistem tenaga matahari untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

Sambutan

"Sebagai permulaan, kilang yang ditubuhkan secara usahasama itu, yang akan didirikan di Pasir Gudang, Johor akan mengeluarkan antara 50 hingga 100 unit alat untuk kegunaan perindustrian dan pertanian," katanya.

Kilang tersebut apabila berjalan sepenuhnya akan mengeluarkan kira-kira 1,000 unit alat dalam sebulan, terutamanya alat-alat untuk kegunaan bagi memanas air.

Barang-barang sistem matahari tersebut akan juga dipasarkan ke negara-negara ASEAN.

Syarikat tempatan itu, Mechmar Sendirian Berhad, sekarang mempunyai sebuah kilang di Pasir Gudang yang mengeluarkan alat-alat pemanas air dan mengeksport kira-kira 40 peratus pengeluarannya ke luar negeri.

Pengarah Urusannya, Encik Tan Kean Wan berkata beliau yakin projek tersebut akan mendapat sambutan kerana iklim di negara ini amat sesuai.

Katanya, kilang tersebut yang mempunyai modal permulaan \$2 juta, akan memulakan pengeluaran tidak lama lagi dengan bilangan pekerja seramai 70 orang yang akan dilatih mengenai sistem tenaga matahari di Australia dan juga tempatan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia